

**SMS  
Harian Metro  
Mei 30, 2012**

**SOALAN:**

JPJ perlu meletakkan anggota di CIQ Bukit Kayu Hitam untuk menghalang kenderaan dari Thailand yang tidak cukup syarat masuk ke negara kita.  
**SATUKIBLAT [IMB17532]**

---

**JAWAPAN:**

SMS  
Harian Metro  
Mei 30, 2012

Rujukan kami : (4)JPJ(K)900-54/5/3  
Tarikh : 29 Mei 2012

Tuan,

Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada aduan melalui akhbar Harian Metro bertarikh 16 Mei 2012.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Kedah mempunyai sebuah pejabat Stesen Kawalan Sempadan (SKS) di pintu masuk Bukit Kayu Hitam bagi memastikan kenderaan Thailand yang memasuki Malaysia yang memohon ICP (International Circulation Permit) mematuhi syarat dan kaedah-kaedah yang ditetapkan sebelum memasuki Malaysia. Stesen ini beroperasi dari jam 6.00 pagi sehingga jam 12.00 malam pada setiap hari dengan keanggotaan seramai 3 orang bagi setiap syif. Lokasi pejabat ini berada beberapa meter sahaja dari pintu CIQ yang sedia ada.

3. Isu kenderaan Thailand yang tidak mematuhi syarat ditetapkan masuk ke Malaysia telah pun dikenalpasti. Diantaranya ialah isu kelonggaran dari memohon ICP bagi kenderaan Thailand yang masuk ke Malaysia bagi

jarak tidak melebihi 2 kilometer dari pintu sempadan. Perkara ini menyebabkan kenderaan Thailand yang tidak mematuhi syarat telah mengambil kesempatan memasuki negara ini tanpa memohon ICP serta tidak mematuhi kaedah-kaedah pembinaan telah masuk ke negara ini melebihi dari had yang ditetapkan.

4. Walaubagaimanapun, selain penempatan anggota sedia ada di Stesen Kawalan Sempadan Bukit Kayu Hitam bagi mengawalselia kemasukan kenderaan Thailand, penguatkuasaan dan pemantauan secara berterusan turut dijalankan oleh pasukan dari JPJ Alor Setar bagi memantau pergerakan kenderaan Thailand yang masuk ke Malaysia.

Sekian dan terima kasih

**ISKANDAR ZULKARNAIN BIN MOHAMAD ALI**  
**Bahagian Korporat**  
**Jabatan Pengangkutan Jalan**  
**Negeri Kedah Darul Aman**